

Rebut peluang pengajian di PLUMS

UM 18/05/2011 30

KOTA KINABALU 17 Mei - Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS) bersedia melatih dan meningkatkan tahap ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam pelbagai bidang kepada rakyat di negeri ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, penubuhan pusat tersebut bertujuan membantu memudahkan individu bekerja mengikuti pengajian kampus luar di universiti berkenaan.

"Pihak majikan diminta memberi sokongan kepada kakitangan mereka yang berpotensi melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi kerana prestasi cemerlang sesebuah jabatan atau syarikat bergantung sepenuhnya kepada tahap kecekapan sumber manusia yang dimiliki," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan penutupan Pameran Jelajah UMS 2011 di Palm Square,

Centre Point, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Antara program luar kampus paling mendapat sambutan ialah Sarjana Pengurusan Modal Manusia dan Sarjana Psikologi.

Kedua-dua pengajian tersebut mendapat permintaan sangat menggalakkan, didorong permintaan tinggi terhadap tenaga kerja terlatih dalam bidang berkenaan.

Selain itu, Kamaruzaman berkata, PLUMS juga menawarkan program Komputer dalam Pendidikan, Fizikal dan Kesihatan, Pengurusan Pendidikan, Sains, Kurikulum dan Pengajaran, Pentadbiran Perniagaan (MBA), Pengurusan Sumber Manusia, dan Diploma Pengajian Islam.

Bagi program pra siswazah pula ialah pengajian Psikologi Industri dan Organisasi, Psikologi Kaunseling, Komunikasi, Sejarah, Kejuru-

teraan Perisian, Sains Sekitaran, Pemasaran Antarabangsa dan Kewangan Islam.

Dalam pada itu, Kamaruzaman berkata, melalui pameran yang diadakan itu secara tidak langsung membolehkan pihaknya berinteraksi secara langsung dengan orang awam yang meninjau peluang pengajian bersesuaian di UMS.

Sementara itu, Eksekutif Kanan Pemasaran dan Promosi, UMS Link Holdings Sdn. Bhd. (ULink), Nerwani Shereen Halik berkata, pihaknya merangka pelbagai aktiviti bagi mempromosi program Sarjana dan Sarjana Muda yang ditawarkan di PLUMS

"Antaranya ialah taklimat pendidikan di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta, siri jelajah pendidikan ke seluruh Sabah serta penyertaan dalam pelbagai pameran pendidikan dalam dan luar negara bagi memberikan penerangan lebih lanjut mengenai peluang pembelajaran khusus untuk golongan yang sedang bekerja," katanya.



KAMARUZAMAN